

DRAF TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 1431H

29 September 2010 (Rabu) bersamaan 20 Syawal 1431H, 10.30 pagi
Perkarangan Dewan Besar UTeM

1

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri Melaka
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob,
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Yang
Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Hajah
Zurina binti Kassim

1. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor

UTeM dan Y.A.Berbahagia Toh Puan ke majlis Sambutan Aidilfitri 1431H, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Seluruh warga Universiti amat menyanjung kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk hadir di majlis yang dianjurkan oleh pihak Universiti. Kami amat berbangga kerana Tuan Yang Terutama Tun Canselor sentiasa mengambil berat mengenai perkembangan dan pembangunan Universiti ini. Sesungguhnya keprihatinan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama Tun Canselor menambahkan lagi azam untuk bekerja dengan lebih gigih bagi memastikan UTeM lebih cemerlang.

3

3. Seterusnya saya memohon izin daripada Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk berucap kepada para hadirin.

A) SALUTASI

- i. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr Johari bin Mat, Pro Canselor UTeM dan Y.Bhg. Puan Sri,
- ii. Yang Berhormat Datuk Yaakub bin Md Amin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia Negeri dan Y.Bhg. Datin,
- iii. Y.Bhg. Datuk Ir. (Dr.) Haji Ahmad Zaidee bin Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Y.Bhg. Datin,

4

- iv. Y.Bhg. Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti UTeM dan isteri,
- v. Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM dan isteri,
- vi. Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Kadim bin Suaidi,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM dan isteri,
- vii. Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan isteri,
- viii. Pihak media, warga UTeM seterusnya para pelajar UTeM sekalian

5

B) PEMBUKA KATA

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan nikmat ke hadirat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya yang mengizinkan dan memberi kekuatan kepada kita untuk memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Universiti Teknikal Malaysia Melaka 1431 Hijrah.
2. Kesudian semua tetamu jemputan dalam melapangkan masa untuk hadir sudah pasti menguntum bahagia, menambah seri, memahat memori serta akan menyemarakkan lagi kemeriahan dan keceriaan suasana Aidilfitri Minal Aidil Wal Faizin di bulan Syawal pada tahun ini.

6

3. Sambutan Hari Raya Aidilfitri kini melewati tarikh 20 Syawal 1431 Hijrah disambut dengan penuh kesyukuran oleh kita semua. Justeru saya mengambil kesempatan ini menyusun sepuluh jari memohon kemaafan bagi diri saya dan bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti sekiranya terdapat salah dan silap, sesungguhnya kami telah berusaha untuk menunaikan semua amanah yang telah dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi demi satu tujuan untuk melihat Universiti ini berkembang menuju ke tahap yang lebih tinggi untuk mencapai kegemilangan.

7

Hadirin yang dirahmati Allah,

C) ISI UCAPAN

C1. Silaturahmi di Aidilfitri

4. Kedatangan bulan Syawal merupakan saat umat Islam di seluruh dunia bersama-sama melafazkan *takbir*, *tahmid* dan *tasbih* sebagai tanda mengagungkan Allah SWT, tanda menginsafi bulan Ramadhan yang penuh barakah telah berlalu serta tanda kesyukuran berkesempatan merayakan Aidilfitri. Gema takbir dengan memuji Ilahi ini menggegar jiwa, perasaan, fikiran dan memberi keinsafan kepada kita kerana sambutan Aidilfitri yang ditetapkan oleh agama dimulai dengan mentauhidkan keesaanNya. Aidilfitri bererti merayakan kemenangan kerana menundukkan hawa nafsu

8

dan membolehkan kita kembali kepada jati diri sebagai hambaNya yang bertakwa.

5. Kekuatan utama sambutan Aidilfitri adalah di dalam memulihkan dan mengekalkan silaturahmi. Ianya merupakan kekuatan kerana mewujudkan perasaan kasih sayang, persaudaraan, kedamaian dalam hubungan kekeluargaan dan masyarakat serta saling bantu membantu di antara satu sama lain. Orang yang suka menyambung silaturahmi akan membawa pertambahan rezeki dan dipanjangkan umurnya. Ibnu Umar RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

‘Barang siapa yang suka di perluaskan rezekinya dan kehidupan yang baik, maka hendaklah menyambung silaturahmi’

9

6. Dasar silaturahmi yang ditetapkan Islam adalah melangkaui sempadan negara dan benua. Kita perlu insaf terdapat saudara-saudara kita di luar negara hidup dalam keadaan sukar sepanjang hayat, membesar dalam keadaan perang, generasi silih berganti terus hidup menderita terutama saudara kita di Palestin. Marilah kita bersama-sama menghulurkan bantuan, mudah-mudahan rezeki kita ditambah, dipanjangkan usia serta kasih sayang di kalangan masyarakat dapat ditingkatkan.

10

T.Y.T. Tun, hadirin hadirat sekalian,

C2. Amalan Ziarah Menziarahi dan Bermaafan

7. Kita perlu bersyukur kerana mampu mengadakan majlis ini dalam keadaan aman dan tenang dalam suasana yang cukup gembira. Namun dalam keghairahan menyambut Hari Raya ini, perlu diingat jangan sesekali sampai lupa kewajipan kita kepada Allah iaitu mendirikan solat fardu, dan kerana terlalu seronok.. jangan pula adanya berlaku pelanggaran batasan-batasan agama. Dikhuatiri nanti dengan pelanggaran batas agama ini akan merosakkan pahala Ramadhan yang telah dilaksanakan sebelum ini.

11

8. Ketika kita sedang bergembira menyambut Aidilfitri ini kita perlu insaf dan sedar terdapat mereka yang menyambutnya dalam keadaan sukar, bersendirian serta merendah diri. Selari dengan cahaya Ramadhan dan takbir maka marilah kita bersama mengambil peluang bersedekah, menghulurkan pertolongan memenuhi hajat, menziarahi, mendoakan dan mengeratkan secara yang termampu. Paling afdal ialah menziarahi dan mengadakan kunjungan kerana amalan ini amat berkesan sebagai tanda keikhlasan untuk kita meningkatkan kasih sayang, mengeratkan persaudaraan dan berpeluang memohon maaf secara terbuka, ibarat pepatah Inggeris, *'let us forgive and forget'*.

12

C3. **Budaya kerja sebagai satu pasukan**

9. Majlis perayaan seperti ini merupakan satu wadah dan cara bagi memupuk sikap saling memahami dan bertolak ansur seterusnya mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Semangat muhibah dan permuafakatan ini perlu terus dikekalkan kerana saya yakin, inilah yang akan menjadi tunjang kekuatan kita untuk terus kekal hidup aman dan makmur seperti kata, 'bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat'. Ini akan merangsang lagi semangat kerja berpasukan atas landasan kesejahteraan, harmoni seterusnya dengan ini dapat menghasilkan pekerjaan dengan penuh kecekapan, menepati Sasaran Kerja Tahunan serta KPI yang ditetapkan bagi memacu kecemerlangan Universiti .

13

Hadirin Yang Hadirat Yang Dihormati,

D) Kata Penutup

10. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada warga kerja UTeM yang telah menggembleng masa dan tenaga bagi memastikan kelancaran majlis pada hari ni. Majlis yang begitu ceria, meriah dan berwarna-warni ini adalah manifestasi perpaduan dan kerukunan warga Universiti ini. Sebentar lagi kita akan menyaksikan keputusan bagi pertandingan khemah terbaik yang dimaklumkan terdapat 3 kategori pertandingan iaitu Gerai tercantik, Gerai makanan/minuman paling sedap dan menarik serta Gerai staf paling bekerjasama. Akhir kata, saya berdoa mudah-mudahan perjalanan majlis pada hari ini diberkati dan kepadaNya juga kita memohon semoga warga Universiti

14

Teknikal Malaysia Melaka dilimpahi taufik hidayah dan kekuatan untuk memandu Universiti ini ke arah kecemerlangan.

*Cantik sungguh bunga seroja; Duduk di bawah bulan bercahaya
Tamu, pelajar dan warga kerja; Semoga semuanya bahagia di hari raya*

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.